Kaedah hafazan ini turut digunakan oleh Nabi Muhammad S.A.W mengajarkan al-Quran kepada para sahabat. Mohd Aderi (2017) menerangkan dalam kajiannya bahawa bacaan hafazan Nabi Muhammad S.A.W bukanlah hafazan semata-mata tetapi bacaan untuk difahami dan diingati. Tujuan kaedah hafazan ini adalah untuk menjaga dari terputusnya kemutawatiran al-Quran, kemuliaannya, penyelewengan, pemalsuan dan pendustaan terhadap kandungan al-Quran (Abu Najihat 2002; Zulkiple Abdul Ghani et al. 2016).

Allah SWT memberi kelebihan kepada mereka yang menghafaz al-Quran melalui dalil ayat al-Quran seperempat yang terdapat di dalam surah al-Qamar (54:17). Bukan setakat itu sahaja, malah Allah memberi kepujian dan penghormatan dengan gelaran yang mulia seperempat yang telah disebut di dalam al-Quran dalam Surah al-Fathir (35:32), Surah al-Ankabut (29:45) dan Surah al-Hijr (15:9). (Abdullah Basmeih 2007, 2011).





Kelebihan yang diberikan oleh Allah ini mewujudkan kesedaran ibu bapa peri penting al-Quran menjadi pengaruh utama untuk membentengi jiwa anak-anak daripada anasir yang tidak sihat dan mendorong mereka memilih sekolah tahliz sebagai pilihan utama. Ini turut ditegaskan di dalam model pengajaran dan pembelajaran tahliz al-Qabisi (1955) yang mana proses pengajaran tahliz akhirnya adalah bermatlamatkan *makrifatuddin*. Selain itu juga, hafazan al-Quran juga dijadikan sebagai metod rawatan bagi roh dan jasad manusia (Solahuddin, 2018).

Model al-Qabisi (1955) menjadi rujukan utama dan asas kepada proses pengajaran tahliz yang lebih sistematik dan tersusun. Ia memberi tumpuan khusus kepada matlamat, objektif, proses pengajaran dan pembelajaran dan penilaian kepada pengajaran dan pembelajaran. Model ini meletakkan al-Quran sebagai ilmu dasar sebelum mempelajari ilmu-ilmu lain yang mana ia juga menjadi sebagai matlamat FPI.

Sehaluan dengan hasrat kementerian, KPM menyarankan sistem Pendidikan di Malaysia haruslah bercirikan Pendidikan abad ke 21 yang lebih berpusatkan murid bagi meningkatkan keberkesanan sesuatu pembelajaran. Ini adalah bertepatan dengan konsep teori konstruktivisme yang mana pembelajaran yang lebih baik adalah bermula dari pembinaan pengetahuan secara aktif dengan mengaitkan maklumat baru yang ditemui dengan maklumat yang lepas. Seterusnya murid akan menyesuaikan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baru.





McBrien & Brandt (1997) mendefinisikan konstruktivisme adalah satu pendekatan pengajaran berdasarkan kepada penyelidikan tentang bagaimana manusia belajar. Kebanyakan penyelidik berpendapat setiap individu membina pengetahuan dan bukannya hanya menerima pengetahuan daripada orang lain. Kenyataan ini disokong kajian Muhd Zulhilmi, Mohamad Khairi dan Mohd Isha (2019) yang membincangkan bahawa mengikut kepada teori konstruktivisme penglibatan guru hanya 25% sahaja di dalam kelas sebagai fasilitator dengan cara memanfaatkan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) berteknologi dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran yang berpusatkan murid.

Selain itu, keperluan dunia pendidikan pada abad ke 21 menuntut juga kepada kemahiran guru dalam pengkomputeran. Hal ini menyokong kepada pandangan bahawa kemahiran guru dalam bidang pengkomputeran dapat meningkatkan lagi kemampuan penyelidikan untuk membangun dan menyelesaikan permasalahan pendidikan (Esah Sulaiman 2003; Sidek Baba 2003; Mohammed Sani 2005; Hashim & Abdul Jalil 2007; Nik Azis & Noraini 2008; Kamarul Azmi 2010).

Seperti mana yang dinyatakan oleh Mohd Khairul Anam (2018) bahawa guru perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan teknologi serta mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu dan berfikiran jauh ke depan seiring dengan era abad ke 21 dan pendidikan dalam revolusi Industri 4.0. Hal ini pastinya bermula dari keberkesanan ilmu yang disampaikan oleh guru kepada murid dalam proses pembelajaran di dalam kelas. Ini kerana guru yang berkesan di dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) mampu melahirkan murid yang cemerlang (Kamarul Azmi, Noratikah & Mohd Faeez, 2012).





Sementara itu, Heinich, Molenda, Russell dan Smaldino (1993) menyatakan bahawa pengaplikasian kaedah dan model pengajaran adalah penting supaya sesuatu objektif pembelajaran dapat dicapai seperti mana yang dibincangkan di dalam Model Assure. Model pengajaran ini bukan sahaja sesuai digunakan untuk membantu guru menyampaikan maklumat dengan lebih jelas malah menjadikan proses PdP akan menjadi lebih sempurna dan dapat mencapai objektif pembelajaran dengan adanya perancangan yang lengkap dan sistematik.

Selain merancang pelaksanaan PdP yang efisen dan berkesan, guru juga patut meningkatkan kemahiran dan pengetahuan tentang penggunaan ICT sama ada dalam pengajaran mahu pun melakukan tugas harian. Saranan ini turut dijelaskan oleh Arnaldo Nhavoto (2011) melalui model ICTetd yang menekankan kepada pengetahuan yang diperlukan oleh para guru dalam menggunakan peralatan ICT dalam pembangunkan proses pengajaran dan pembelajaran yang dapat difahami oleh para pelajar.

Berdasarkan teori dan model yang dibincangkan di atas dapat membantu Pendidikan tahfiz melakukan transformasi dengan meningkatkan amalan pengajaran tradisional sebelum ini kepada pengintergrasian ICT dalam pengajaran. Menurut Muhsin (1994) di dalam PdP tahfiz mestilah terdapat empat kategori bahan yang boleh membantu menghafaz al-Quran iaitu bahan yang dilihat, bahan yang didengar, bahan yang dibaca dan bahan yang ditulis. Maka mengintergrasikan ICT dalam pengajaran tahfiz bukanlah satu yang menyalahi apabila kategori yang telah disebutkan boleh dibina dari penggunaan ICT yang semakin berkembang maju dan sekaligus menjana kemahiran murid-murid dalam pembelajaran bertepatan dengan pendidikan abad ke 21.





Tambahan lagi, Maimun Aqsa dan rakan-rakan (2017) menyatakan bahawa gabungan ICT mampu memberi peningkatan dan kesan yang berkualiti di dalam pengajaran dan pembelajaran kerana ia lebih menarik perhatian. ICT yang sebelum ini menjadi bahan bantu mengajar (BBM) namun kini ia menjadi sebagai alat penyokong cara baru dalam proses PdP. Sifatnya yang mudah digunakan, mempunyai paparan yang menarik dan beberapa kelebihan lain dapat memberi impak yang sangat besar dengan memberi kefahaman yang sangat mendalam kepada pengetahuan murid.

Hala tuju sistem pendidikan di Malaysia telah mengalami perubahan demi perubahan dalam tempoh beberapa abad. Perubahan terhadap sistem pendidikan di negara ini mengikut keperluan dan kehendak masyarakat zaman. Hal ini bermula selepas negara Malaysia mencapai kemerdekaan dan terbentuknya Ordinan Pelajaran

(1957) yang menjadikan Laporan Razak (1956) sebagai asas untuk memantapkan sistem pendidikan (Mior Khairul Arin, 2011). Justeru, sistem pendidikan haruslah berjalan seiring dengan sistematik bagi mencapai status negara maju kerana Kejayaan sesuatu bangsa dan negara itu adalah bertunjangkan kepada pendidikan (Ridhuan, 2015).

Kerajaan komited melaksanakan transformasi dalam sistem pendidikan untuk tempoh 15 tahun akan datang termasuklah pendidikan tafhiz. Melengkapkan setiap murid-murid di negara Malaysia dengan segala kemahiran baru yang diperlukan oleh mereka untuk mencari peluang dan menangani cabaran abad ke 21 adalah tujuan transformasi ini dilakukan. Sistem pendidikan sangat penting sebagai aset dalam usaha untuk bersaing dengan negara maju sekaligus berupaya melahirkan generasi muda berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran





kepimpinan yang mantap dan berupaya berkomunikasi dengan berkesan pada peringkat global (Kementerian Pendidikan Malaysia, [KPM] 2013).

Pendidikan tafsir bukan lagi pendidikan yang asing dan telah lama diterima pada masa kini. Pendidikan tafsir yang pertama mula wujud di Malaysia ialah menawarkan program di peringkat diploma. Namun bermula dari 10 tahun yang lalu, pendidikan tafsir di peringkat menengah mula mendapat tempat bermula dari penubuhan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Ulul Albab (UA) rentetan dari rangkaian Sekolah Imtiaz di Terengganu, beberapa madrasah tafsir di bawah Jabatan Agama Islam Negeri dan Tafsir Model Ulul Albab (TMUA) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan sekolah berasrama penuh (SBP).



Hampir kesemua sekolah dan institusi yang disebut ini menjadikan aliran tafsir sebagai yang utama dan aliran akademik sebagai program atau kurikulum yang ditawarkan. Namun matlamatnya yang satu iaitu melahirkan profesional yang menghafaz al-Quran. Bertepatan dengan matlamat hala tuju yang menyeluruh amat wajar institusi ini mengembangkan potensi murid secara bersepada dan menyeluruh berpaksikan tauhid serta mengambil kira perkembangan semasa. (Noor Hisham et al., 2014).

Memacu ke arah negara maju, sistem Pendidikan tafsir bukan sahaja perlu menyediakan produk yang hanya peka terhadap perkembangan semasa malah generasi dan pelapis negara yang berwibawa serta berakhlaq mulia dan mampu menjadi contoh kepada masyarakat. Hal ini lebih mencabar apabila kemodenan dan kepesatan di era



globalisasi yang tidak seimbang menganggu perkembangan rohaniah remaja kini juga menjadi punca terpinggirnya roh Islam di dalam diri mereka.

Selain itu, guru merupakan tonggak utama dalam Pendidikan tahliz yang berperanan penting dalam proses PdP. Ini kerana, Anisah Bahyah (2006) berpendapat bahawa pengajaran, latihan, bimbingan dan pimpinan dengan tumpuan khas kepada pemindahan pelbagai ilmu pengetahuan, nilai agama dan budaya adalah proses dalam pendidikan. Justeru, guru-guru al-Quran mestilah mempunyai kelayakan terutamanya dari sudut keperibadian, pengetahuan, agama serta memahami kaedah PdP untuk menghasilkan keberkesanan dalam pendidikan al-Quran (Adel M. et al, 2006).

Maka dengan itu, guru perlu mempersiapkan dan melengkapkan diri dengan elemen-elemen ilmu yang sarat agar ilmu yang disampaikan mampu mempengaruhi dan diserap oleh murid-murid. Kepelbagaiannya proses penyampaian ilmu perlu dilaksanakan selari dengan zaman yang serba serbi dengan teknologi. Namun begitu, di sebalik kecanggihan yang perlu wujud di dalam pengajaran, disiplin ilmu al-Quran itu tidak boleh sekali-kali di pinggirkan. Secara ringkasnya, desakan ini memerlukan guru tahliz menyediakan diri mereka menjadi guru yang lebih pakar, professional, berkesan, cekap untuk berdepan pendidikan abad ke 21.

Mengikut konteks kajian ini, institusi tahliz harus bersedia menghadapi gelombang ini seiring dengan institusi-institusi pendidikan yang lain. Rentetan dari kesedaran masyarakat kini terhadap bahawa penghayatan ajaran agama telah kembali tinggi menjadikan permintaan ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah agama melebihi dari tawaran dan kesanggupan pihak yang meyediakannya. Sekolah aliran



tahfiz al-Quran menunjukkan perkembangan terkini mula mendapat perhatian masyarakat (Mardhiah, 2017).

Walaupun wujud perbezaan antara sekolah-sekolah tahfiz ini dari segi kurikulum, namun matlamat utama pendidikan tahfiz ini adalah melahirkan para huffaz yang dapat memelihara kemutawatiran al-Quran (Mohamad Marzuqi, 2018). Dalam meniti arus pendidikan abad ke 21 dan revolusi industri 4.0, semestinya pendekatan yang lebih efektif dalam pendidikan tahfiz perlu dipertingkatkan bagi mendepani zaman globalisasi ini. Pendekatan pengajaran secara tradisional perlu ditambah baik seiring dengan keperluan zaman ini.

Perkembangan pendidikan tahfiz sejak zaman awal Islam sehingga hari ini memperlihatkan perkembangan yang amat memberangsangkan. Walaubagaimanapun kerancakkan perkembangan ini memerlukan kepada penelitian kepada sistem yang wujud dengan lebih lanjut agar pendidikan yang ditawarkan dan sedia ada ini memenuhi kriteria dan matlamat pendidikan tahfiz. Apa yang lebih penting ialah dalam melahirkan huffaz yang bukan sahaja menghafaz dengan lancar malah memiliki perkembangan potensi jasmani dan rohani secara menyeluruh.

Namun begitu, setinggi mana kecanggihan kaedah pengajaran yang berlaku mengikut trend teknologi, konsep berguru itu masih lagi perlu diguna pakai kerana ilmu fardu ain perlu berkonseptan guru (Noor Hisham, 2011). Ini kerana melalui konsep berguru adalah bermatlamat untuk membina adab dan penghayatan nilai. Maka pemikiran kritis dan penilaian kreatif berpegang kepada pandangan alam Islam akan berhasil dari pelaksanaan PdP yang tepat dan sekaligus perisian PdP tidak mengabaikan





perkara kerohanian juga peranan jiwa dalam menyempurnakan pertumbuhan potensi insan yang seimbang serta menyeluruh.

1.3 Pernyataan Masalah

Institusi tahfiz yang terdapat di Malaysia menawarkan pendidikan seawal peringkat kanak-kanak sehingga ke peringkat dewasa (Abdul Hafiz et al, 2005; Adnan Rashid et al. 2013; Zanaton 2014 dan Abd Rahman, 2016). Kesedaran masyarakat memilih institusi pendidikan tahfiz dan mengantar anak-anak mengikuti pengajian aliran tahfiz adalah faktor pertambahan bilangan sekolah tahfiz di Malaysia. Ini disokong daripada laporan Mohd Aderi (2017) menyatakan jumlah keinginan yang tinggi ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah tahfiz adalah melebihi penawaran. Lalu mengakibatkan pertambahan sekolah tahfiz swasta mahu pun tahfiz persendirian. Kesannya guru-guru tidak terikat kepada silibus yang selaras dan kaedah pengajaran yang sistematik. Guru-guru bebas menggunakan kaedah yang dirasakan bersesuaian atau bersandarkan pengalaman mereka.

Oleh yang demikian, kepelbagaiannya latar belakang pendidikan guru menimbulkan perbezaaan yang amat ketara dalam proses pengajaran. Perkara ini disokong dalam kajian Abd Rahman (2013) yang menyebut faktor kepelbagaiannya latar belakang guru, menjadikan institusi pendidikan tahfiz tidak dapat dijalankan secara bersepadu. Hal ini demikian kerana, pengetahuan dalam bidang tahfiz dan kemahiran pedagogi yang berbeza akan menjadi punca ketidakseragaman bukan sahaja kepada kualiti pengajaran malah kualiti guru itu sendiri.





Bukti kepada ketidakseragaman ini apabila terdapat banyak kajian mengesahkan bahawa punca kegagalan murid mencapai muqarrar hafazan al-Quran adalah disebabkan kurangnya pengetahuan dan kemahiran guru dalam PdP sedangkan mereka telah disediakan dengan modul yang seragam di sekolah masing-masing Azmil (2012) dan (2014), Solahudin (2016), Kamarul Azmi et. al (2016) Mohamad Marzuqi dan Azmil (2017), Mardhiah (2017), Ab. Halim (2018), dan Zulkafli (2019).

Sejarah Pendidikan tafsir yang dahulunya bersifat konvensional, kini berkembang sejajar dengan perkembangan sistem pendidikan kontemporari. Awalnya institusi tafsir di Malaysia hanyalah mencakupi aktiviti hafazan al-Quran dan subjek qiraat sahaja yang mana diperkenalkan di peringkat diploma. Namun, kini pendidikan tafsir telah mengalami asimilasi bersesuaian dengan tuntutan pendidikan arus perdana.



Pendidikan tafsir hari ini telah diintegrasikan dengan tafsir dan sains yang mana lebih dikenali sebagai program tafsir UA bermula dari awal tahun 90an. Kekurangan guru tafsir ketika itu, memaksa pengurusan membenarkan guru yang bukan dalam bidang tafsir dilantik menjadi guru *tasmīc*. Isu ini berterusan sehingga kini seperti mana yang disebut oleh Mardhiah (2017) melaporkan guru tafsir yang bukan bidang tafsir kurang memahami khilaf qiraat dalam bacaan hafs al-Asim apatah lagi tafsir al-Quran (Zulkifli 2019). Timbul persoalan berkaitan dengan kualiti bacaan daripada pelajar lepasan sekolah tafsir yang ada kini.

Menurut Ahmad Bazli dan rakan-rakan (2016), Pendidikan tafsir kini hanya menjadi nilai tambah kepada kurikulum sedia ada dan bukannya sebagai teras kepada keseluruhan kurikulum yang ditawarkan dalam sesebuah institusi. Contohnya, banyak





sekolah yang cuba untuk mengintegrasikan bidang tafhiz dengan pelbagai bidang lain. Kesannya fokus utama hanya semata-mata kepada bacaan dan hafazan al-Quran. Murid-murid bukan sahaja lemah dalam penguasaan hafazan malah turut bermasalah dalam aspek pemahaman dan terjemahan al-Quran (Fathiyah, Ahmad Fauzi, Norliah, Lukman & Wan Marzuki, 2018).

Namun begitu, isu ini bukan sahaja berlebar setakat itu, timbul isu bacaan bertajwid yang turut menjadi masalah utama dalam kalangan murid-murid tafhiz. Isu bacaan bertajwid ini turut disebut dalam beberapa kajian lain antaranya Mohamad Marzuqi (2008 & 2013), Azmil (2010), Shahrulkarnain (2013), dan Mardhiah (2017), (Muhammad Hafiz, Zawawi & Zaharah, 2018). Hal ini bukan sahaja berlaku di Malaysia, malah di Indonesia juga terdapat kajian yang turut membincangkan berkaitan kualiti hafazan yang masih lemah serta belum mencapai objektif utama kurikulum tafhiz al-Quran seperti kajian Siti Nafisatul Masruroh (2016), Nawa Husna dan Zainal Arifin (2016), Nur Hikmiyah (2015), Eka Pristiawan (2013), Ratna Hidayah (2012) dan Muhsinin (2011).

Oleh hal yang demikian, pengajaran al-Quran adalah pengajaran kemahiran (Rohizani, Shahabudin & Mohd Zohir, 2005), guru bukan sahaja perlu memberikan fokus kepada arahan, demonstrasi dan membetulkan kesalahan bacaan malah guru juga perlu menguasai isi kandungan pelajaran. Meneliti isu di atas, jelas menunjukkan terdapat kelemahan terhadap pengetahuan dan kemahiran guru tafhiz yang perlu diatasi. Guru seharusnya memiliki bacaan yang tepat supaya dapat menjadi contoh kepada murid. Namun apabila hal sedemikian berlaku, guru gagal untuk membaiki kualiti bacaan murid dan sukar untuk mengukur keberkesanan pembelajaran serta penghayatan



seseorang murid. Walhal, fokus utama dalam sesuatu pengajaran guru adalah mencapai objektif pembelajaran bermula daripada perancangan aktiviti, langkah dan penyampaian yang sistematik seperti yang dinyatakan oleh Ahmad Mohd Salleh (1997); Syarifah Alawiyah (1984) dan Mohd Yusuf (2000).

Selain proses menghafaz, proses penulisan tahriri atau kitabah juga berperanan untuk mengukuhkan proses hafazan. Proses ini sebagai inisiatif kepada murid untuk menguasai ayat yang sukar seperti ayat-ayat mutasyabihat (al-Qabisi 1955; Muhammad Muhsin 1994; Abu al-Wafa' 1999 dan Abu al-Fida' 2006). Walau bagaimanapun, laporan oleh Nor Musliza dan Mokmin Basri (2014) mendapati bahawa guru-guru tahfiz kurang memberi tumpuan kepada bimbingan penulisan al-Quran. Ini terbukti daripada hasil tinjauan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis (2017) menunjukkan pemantauan guru terhadap aktiviti *tahriri* (menulis semula ayat hafazan) masih perlu dimantapkan.

Laporan Mohamad Marzuqi dan Azmil (2016) menyatakan majoriti murid kurang mahir dalam kaedah penulisan rasm uthmani. Masalah ini harus diatasi dan ditangani dengan serius. Bukan itu sahaja, kelemahan yang paling ketara dalam penulisan ini apabila terdapat ramai dalam kalangan murid yang gagal dalam peperiksaan tahriri jika dibandingkan dengan jumlah calon peperiksaan *syafawi*. Masalah ini ternyata berpunca daripada kurangnya bimbingan dan latihan yang diberikan penekanan oleh para guru tahfiz. Hal ini lebih ketara kerana terdapat segelintir murid yang tidak membuat latihan menulis.



Sama halnya dalam hal mendalami dan memahami ayat al-Quran. Menurut al-Qabisi (1955), terdapat empat kaedah utama yang dapat memberikan impak maksimum kepada pembelajaran hafazan al-Quran, salah satu daripadanya ialah al-Fahm (kefahaman ayat). Namun begitu, menurut Mohamad Marzuqi (2016) kaedah teras PdP tahfiz ini seolah-olah dipinggirkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru kurang memberikan perhatian kepada kaedah ini dan hal ini amat bertentangan dengan saranan supaya murid mentadabbur ayat-ayat yang dibaca dari al-Quran (al-Sod: 29; al-A'raf; 204). Maka tidak mustahil sepertimana yang telah dilaporkan oleh Noor Hisham (2017) terdapat murid yang gagal mengaitkan hafazan al-Quran dengan pengajian akademik yang dipelajari. Kesannya terdapat ramai dalam kalangan murid yang kecundang kedua-dua bidang iaitu hafazan al-Quran dan akademik.





Sementara itu, tahap kesediaan guru tahniz terhadap penggunaan BBM juga menjadi isu penting dalam konteks kajian ini. Ini dibuktikan melalui laporan daripada Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis (2017) yang mendapati guru tahniz tidak memberi penekanan serta fokus kepada penggunaannya. Penggunaan BBM dalam PdP berkaitan dengan bidang Fiqh Ayat tidak dimanfaatkan serta tidak konsisten, sedangkan BBM merupakan salah satu item yang terkandung dalam kurikulum TMUA. Jelas menunjukkan kesediaan guru terhadap penggunaan BBM terbatas dan juga memandang ringan penggunaan BBM.

Selain itu, Pendidikan abad ke 21 juga amat menggalakkan penggunaan ICT dalam pengajaran. ICT berfungsi untuk memudahkan serta melancarkan proses pengajaran agar lebih menarik dan sistematik. Walau bagaimanapun tahap penggunaan

ICT dalam kalangan guru tahniz masih relatif sederhana. Perkara ini telah ditegaskan oleh Azizi (2015) (Mohamad Marzuqi et.al; 2016; Mohamad Marzuqi, Abdul Rahim & Azmil, 2017) bahawa penggunaan ICT masih pada tahap sederhana walaupun persepsi mereka berbeza dan tinggi keupayaan terhadap penggunaan teknologi dalam pengajaran tahniz. Akibatnya murid-murid tidak menumpukan perhatian yang sepenuhnya semasa PdP di dalam kelas.

Meneliti isu di atas jelas menunjukkan bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan pengajaran guru merupakan isu yang perlu diberikan fokus yang mendalam khasnya kepada pendidikan tahniz di Malaysia. Ini menyokong kepada saranan Ab. Halim (2019) bahawa asas utama yang perlu diberikan tumpuan adalah kebolehan guru mengendalikan proses PdP dengan sistematik dan berkesan. Walau bagaimanapun, wujud persoalan bagaimanakah kaedah pengajaran yang terbaik dan berkesan bukan





sahaja untuk berpencapaian akademik cemerlang bahkan melahirkan murid bersahsiah mulia serta mampu menyumbang dan bermanfaat kepada negara (Kementerian Pendidikan Malaysia 1990).

Berdasarkan kepada dapatan dan penilaian kajian di atas, penyelidik mendapati kewajaran untuk membangunkan model pengajaran tafif yang berteraskan abad ke 21 dengan elemen ICT lebih bersesuaian dalam mendepani cabaran pendidikan kini disamping tidak meminggirkan aspek kerohanian yang menjadi tunjang utama dalam agama Islam. Pembangunan kandungan yang menggunakan kesepakatan daripada pakar bidang ini dijangka akan menjadi kesinambungan PdP kepada pelajar tafif dalam pelbagai bidang. Seterusnya berpegang kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang mana Pendidikan tafif adalah inisiatif melahirkan golongan profesional, teknorat dan usahawan hafiz yang berpegang kepada ajaran Islam dengan memiliki pelbagai kemahiran ilmu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kajian penyelidikan yang berasaskan kepada reka bentuk keperluan yang menggunakan pendekatan *Design and Developmental Research* (DDR) (Ritchey & Klein, 2007) untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

Terdapat tiga objektif utama dalam setiap fasa berdasarkan pendekatan *Design and Developmental Research* (DDR). Setiap objektif utama mengikut fasa adalah digunakan untuk menjawab beberapa soalan kajian. Objektif ini adalah bertujuan untuk





membangunkan sebuah model pengajaran tafhiz yang berfokuskan kepada elemen teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Maka, objektif dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1.4.1 Fasa 1: Analisis Keperluan

Mengenal pasti keperluan membangunkan model pengajaran tafhiz berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi subjek hafazan al-Quran

1.4.2 Fasa 2: Reka bentuk dan Pembangunan Model

Mereka bentuk dan membangunkan model yang sesuai untuk pengajaran tafhiz berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi subjek hafazan al-Quran berdasarkan pandangan dan kesepakatan pakar

1.4.3 Fasa 3: Penilaian Kebolehgunaan Model

Menilai kebolehgunaan model pengajaran tafhiz bagi subjek hafazan al-Quran berasaskan teknologi maklumat dan maklumat (ICT) berdasarkan pandangan dan kesepakatan pakar.





1.5 Persoalan Kajian

Pembinaan proses model pengajaran tafhiz berdasarkan elemen ICT bagi subjek hafazan al-Quran melibatkan tiga fasa utama iaitu asas analisis keperluan, fasa reka bentuk dan fasa penilaian kebolehgunaan. Beberapa persoalan kajian dibentuk berdasarkan kepada tiga fasa ini iaitu:

1.5.1 Fasa Satu: Fasa Analisis Keperluan

- 1) Adakah terdapat keperluan penerapan elemen teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pengajaran tafhiz di Malaysia?



1.1 Apakah persetujuan terhadap keperluan penerapan elemen teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pengajaran tafhiz berdasarkan persepsi guru

1.2 Apakah persetujuan terhadap keperluan penerapan elemen teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pengajaran tafhiz berdasarkan persepsi murid

1.5.2 Fasa Dua: Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan Model

- 2) Apakah reka bentuk dan pembangunan model pengajaran tafhiz bagi subjek hafazan al-Quran berdasarkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)?





(Fasa reka bentuk)

- 2.1 Apakah komponen utama bagi model pengajaran tafhiz bagi subjek hafazan al-Quran berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) berdasarkan pandangan dan kesepakatan pakar.
- 2.2 Apakah elemen-elemen dalam komponen utama model pengajaran tafhiz bagi subjek hafazan al-Quran berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) berdasarkan kesepakatan pakar?

(Fasa Pembangunan)

- 2.3 Apakah turutan (keutamaan) elemen bagi setiap komponen utama model pengajaran tafhiz dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) berdasarkan kesepakatan pakar?



1.5.3 Fasa Ketiga: Penilaian Model

3) Apakah kebolehgunaan model pengajaran tafhiz bagi subjek hafazan al-Quran berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)?

- 3.1 Apakah pandangan pakar terhadap kesesuaian komponen utama dalam model pengajaran tafhiz bagi subjek hafazan al-Quran berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)?

- 3.2 Apakah pandangan pakar terhadap kesesuaian elemen bagi setiap komponen utama dalam model pengajaran tafhiz bagi subjek hafazan al-Quran berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)?





3.3 Apakah pandangan pakar terhadap kesesuaian aliran keutamaan elemen bagi setiap komponen utama dalam model pengajaran tafhiz bagi subjek hafazan al-Quran berdasarkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)?

3.4 Apakah pandangan pakar terhadap keseluruhan kebolehgunaan model pengajaran tafhiz bagi subjek hafazan al-Quran berdasarkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)?

1.6 Kerangka Teori Kajian

Dalam kerangka teoritikal ini, pengkaji telah menerangkan teori dan model yang digunakan sebagai dasar kajian yang terdiri dari Teori Konstruktivisme, Model Pengajaran

ASSURE (Heinich dan rakan-rakan, 1996), Model Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran (al-Qabisi, 1955) dan Model *ICTeTD –enhanced teacher development Model* (Temecheng Engida, 2012). Kesemua teori dan model ini diterangkan secara terperinci oleh pengkaji dalam subtopik selanjutnya.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini menggambarkan hubungan antara dimensi-dimensi pengajaran tafhiz dengan elemen (ICT) yang meliputi teori konstruktivisme iaitu selari dengan pendidikan abad ke 21. Teori konstruktivisme selaku teori utama kajian ini bertindak untuk menganalisis faktor-faktor yang meyumbang kepada aktiviti pengajaran tafhiz yang berdasarkan ICT. Manakala model pengajaran Assure (Heinich,






Molenda, Russell dan Smaldino, 1993) pula merupakan model utama beserta model sokongan iaitu model pengajaran dan pembelajaran tafhiz (al-Qabisi, 1955) untuk menganalisis elemen-elemen penting yang terdapat dalam PdP tafhiz iaitu bermula dari konteks, proses, penilaian dan akhirnya ke produk. Kerangka model ini juga didasari dengan *ICT –enhanced teacher development Model* (Temechengn Engida, 2012) yang menjurus kepada pendidikan abad ke 21 yang menjadikan ICT sebagai antara elemen penting dalam pengajaran tafhiz. Rajah 1.1 memaparkan kerangka konseptual kajian yang menggabungkan kesemua model yang telah dinyatakan oleh penyelidik.



PEMBANGUNAN MODEL PENGAJARAN TAHFIZ (*i-QTmar*) BERASASKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Pembangunan Model



1.8 Kepentingan Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah telah menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk membangunkan sebuah model pengajaran tafhiz berasaskan elemen ICT. Kewujudan model ini juga adalah berkait rapat dengan dapatan kajian oleh Kamarul Azmi, et al., 2016) yang menyebut bahawa guru bukan sahaja perlu berkemahiran dan berpengetahuan seiring atau lebih dari murid namun perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan ICT.

Justeru terdapat beberapa faktor dan kepentingan untuk membangunkan model pengajaran tafhiz dan ICT seiring dengan pendidikan abad ke 21. Faktor dan



kepentingannya adalah seperti berikut:

1. Model pengajaran tafhiz berasaskan elemen ICT ini boleh digunakan oleh pelajar sebagai persediaan dalam mengikuti pengajian sarjana muda pendidikan al-Quran (Tahfiz) memandangkan kini telah wujud Sarjana Muda Pendidikan Al-Quran dan al-Qiraat yang telah dibuka tawarannya di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Selain itu para pensyarah juga boleh menggunakan model ini dalam rujukan pengajaran di dalam kuliah.
2. Model pengajaran tafhiz berasaskan ICT ini akan dapat membantu guru yang terlibat dengan sekolah tafhiz sama ada di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Majlis Amanah Rakyat (MARA), sekolah tafhiz di bawah Jabatan



Agama Islam dan mana-mana sekolah tahniz swasta kerana ianya fleksibel dan sesuai digunakan di mana-mana institusi sekolah.

3. Model pengajaran tahniz berdasarkan ICT juga berupaya menjadi penanda aras bagi setiap program yang hendak digubal sama ada di peringkat sekolah mahu pun universiti yang mempunyai program pendidikan tahniz.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk membangunkan model pengajaran tahniz yang mana ia mengandungi elemen ICT yang mana elemen tersebut terdapat dalam pendidikan abad ke

Responden yang terlibat dalam kalangan guru dan murid-murid adalah terdiri daripada mereka yang mengikuti proses PdP dalam bidang tahniz yang terdiri dari sekolah di bawah KPM, MARA dan sekolah-sekolah di bawah Jabatan Agama Islam Negeri sahaja. Bagi panel pakar pula, mereka yang terlibat dalam membangunkan model pengajaran tahniz ini adalah terdiri daripada; (1) Pensyarah pakar dalam bidang al-Quran dan al-Qiraat.; (2) pensyarah yang mengajar dalam bidang tahniz yang melebihi 10 tahun; (3) pensyarah yang pakar dalam bidang *information technology & information system*; (4) pensyarah yang mempunyai kepakaran dalam bidang pendidikan Islam dan pedagogi; (5) pensyarah yang mempunyai kepakaran dalam bidang pendidikan teknologi, kurikulum dan pedagogi. (6) guru yang terlibat dalam pengajaran tahniz yang melebihi 10 tahun sama ada



guru-guru dari MARA, KPM dan sekolah di bawah Jabatan Agama Islam Negeri di seluruh Malaysia.

1.10 Definisi Kajian

Istilah yang berkaitan di dalam kajian ini akan dinyatakan defininya. Berikut adalah definisi bagi tujuan pemahaman dan mengelakkan kekeliruan.

1.10.1 Model



Di dalam kajian ini, model didefinisikan sebagai panduan yang akan digunakan oleh tenaga pengajar sama ada guru atau pensyarah untuk mengajar setiap elemen yang akan dikaji keperluannya yang mengandungi elemen aktiviti pengajaran tafhiz berdasarkan elemen ICT. Elemen aktiviti ini berdiri daripada model pengajaran dan model ICT yang amat diperlukan oleh guru tafhiz pada masa kini ekoran dari perkembangan institusi tafhiz di Malaysia pada zaman ledakan teknologi maklumat ini.

Pembangunan model ini adalah menepati ciri-ciri model iaitu model produk dan model proses (O'niell, 2010). Ini kerana model proses adalah model yang menekankan aktiviti yang dan akan memberi kesan kepada individu yang dilatih dengan menggunakan proses pembelajaran berpusatkan murid. Jadi, pembangunan model ini boleh dijadikan



rujukan oleh murid tahniz dalam proses pembelajaran mereka. Manakala model proses pula ialah penekanan kepada proses perancangan. Maka guru tahniz boleh menggunakan model pengajaran tahniz ini sebagai rujukan untuk menerapkan elemen ICT di dalam pengajaran tahniz.

1.10.2 Pengajaran Guru Tahniz

Pengajaran merupakan suatu aktiviti penyampaian kandungan pengajaran yang merupakan gabungan dari strategi, pendekatan, kaedah dan teknik. Aktiviti ini saling berkait serta saling melengkapkan bukan sahaja untuk mewujudkan proses pengajaran yang berkesan malah berupaya membentuk satu persekitaran pembelajaran yang kondusif dan mampu mencapai objektif seperti yang dirancang disamping memotivasi murid supaya bersedia untuk belajar, mengurus mereka supaya mempunyai disiplin diri (Mok, 2000). Borko dan Shavelson (1983); Noraini dan Shuki (2009), menyatakan bahawa pengajaran sebagai satu aktiviti yang kompleks dalam situasi yang berbeza. Ini bermakna situasi adalah mencabar. Manakala menurut Reigeluth (2009) pula menyatakan bahawa pengajaran adalah proses yang sengaja dirancang bertujuan untuk memudahkan pembelajaran.

Pengajaran juga di definisikan sebagai sesuatu tugas dan aktiviti bersama-sama guru dan murid. Guru merancang pengajaran secara sistematik dengan menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai dan akhirnya akan menghasilkan perubahan yang kekal dalam bentuk eksplisit mahu pun implisit (Sabahuddin et. al 2003). Pengajaran meliputi

segala kaedah, strategi dan pendekatan yang digunakan untuk menyampaikan isi kandungan mata pelajaran yang kurikulum.

Pengajaran yang berkesan mampu meningkatkan pembelajaran murid. ini adalah hasil dari persedian guru mewujudkan suasana yang sihat dan menggalakkan proses pembelajaran terus menerus (Cruickshank, Bainer & Metcalf , 1995). Oleh itu pengajaran guru tahfiz sepatimana di dalam kajian ini adalah merujuk kepada pengajaran oleh guru-guru tahfiz mengikut subjek hafazan al-Quran.

1.10.3 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) merupakan gabungan alat sumber teknologi yang digunakan untuk menipulasi serta menghubung kait antara maklumat seperti peralatan elektronik dan digital seperti komputer, internet dan teknologi multimedia yang lain (Kaware & Sain, 2015). Penggunaan ICT menjadi semakin relevan dalam bidang pendidikan kerana kemampuan menyediakan persekitaran pembelajaran dan pengajaran dan proaktif (Gabare, et al., 2014).

ICT adalah termasuk perkakasan (komputer, peranti pegang tangan, pencetak, kamera digital), perisian dan sistem aplikasi (kelas pengaturcaraan, perisian produktiviti), media (Internet dan persidangan video) dan rangkaian komputer yang mengikat bersama-sama (Mohd Tarmizi, 2019). Ward & Peppard (2002), ICT merujuk kepada teknologi (hardware, software, telecommunication and network). Sesuatu yang nyata (tangible)

contohnya komputer peribadi, server, routers, kabel dan sesuatu yang tidak nyata (intangible) contohnya software. Ianya adalah termasuk perkakasan (komputer, peranti pegang tanagn, pencetak, kamera digital), perisian dan sitem aplikasi, media dan rangkaian komputer (Habiburrahman, 2015)

1.11 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab 1 menerangkan dan membincangkan tentang beberapa aspek serta perkata utama yang biasanya dibincangkan pada peringkat awal. Perbincangan ini antaranya seperti pengenalan kajian yang menyentuh tentang Pendidikan tafhiz dan penggunaan ICT dalam pengajaran. Ia dimulakan dengan pernyataan masalah mengenai isu yang berkaitan dalam pengajaran tafhiz dan hubungkait dengan kelebihan ICT dan masalah yang timbul melalui kajian lepas tentang penggunaan ICT dalam pengajaran tafhiz dalam pengajaran.

Seterusnya isu ini dijelaskan dalam pernyataan masalah dan menjurus kepada perbincangan tujuan kajian ini dijalankan. Antara lain tujuannya adalah melihat kepada keperluan penggunaan ICT dalam pengajaran tafhiz serta membangunkan satu model pengajaran bagi guru tafhiz yang berdasarkan ICT berdasarkan teori konstruktivisme, model Assure, Model al-Qabisi dan Model ICTtetd. Secara khusus, objektif yang dibina adalah berdasarkan fasa bagi pembangunan model (DDR) untuk menjawab kepada beberapa



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

32

soalan kajian untuk melihat kepada keperluan pembangunan model, reka bentuk dan pembangunan model serta penilaian model.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi